

## Cadang rumah pertama dikecualikan GST

**KOTA BHARU 19 Feb.** -

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa supaya pemilikan rumah pertama dalam kalangan penjawat awam dikecualikan daripada cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, hal demikian kerana kira-kira 800,000 hingga 900,000 penjawat awam berumur dalam lingkungan 25 hingga 35 tahun masih belum layak memiliki rumah pertama.

"Kita telah membuat analisis dan mendapati penjawat awam bagi Kumpulan Pelaksana 2 atau dikenali golongan B40 tidak mampu membeli rumah seperti di projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berharga kira-kira RM150,000 hingga RM300,000. Sedangkan, gaji bulanan mereka pula kurang daripada RM3,000.

"Jadi, kita ingin mencadangkan supaya kerajaan menimbangkan bagi rumah pertama yang dijual kepada penjawat awam dan rakyat dikecualikan GST sebanyak enam peratus kerana kita tahu kos rumah yang dijual itu termasuk dengan kos upah serta kos bahan-bahan mentah yang dikenakan cukai berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri di Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Menurut Azih, kerajaan juga perlu segera membina lebih banyak rumah mampu milik di bawah harga RM150,000.

"Ini bagi membolehkan rakyat membina kehidupan dan layak memiliki rumah kerana kita tahu kerajaan hari ini mendengar keluh-kesah rakyat," jelasnya.